

STYLES OF JAWI SCRIPTS OF THE EARLY MALAY MANUSCRIPTS (16th-20th CENTURY). Oleh Fadzillah binti A.Rahim. Thinker's Library, Batu Caves. Cetakan Pertama, 2010. Him. 125. ISBN 9 789676 907165

Tulisan Jawi merupakan sebuah tulisan yang menjadi identiti dan kebanggaan bagi Melayu Muslim di bumi Malaysia khususnya dan Nusantara amnya. Walaupun sebelumnya, Melayu telah menggunakan bentuk tulisan lain seperti *Pallava*, *Kawi* dan *Rencong* (halaman 21-22) tetapi kesemua tulisan ini seakan-akan tiada dalam kesedaran seorang Melayu pada zaman ini. Hal ini sekaligus membuktikan bagaimana agama Islam telah mengakar masuk ke dalam jiwa Melayu, sehingga seakan-akan orang Melayu itu seperti tidak pernah menganuti Hindu-Buddha dan sebelumnya Animisme. Tulisan Jawi adalah sebuah bukti yang menunjukkan orang Melayu bukan sahaja mempelajari Islam melalui 'dengar-dengar' sahaja tetapi mempelajarinya dengan penuh keseriusan dan secara ilmiah melalui guru-guru. Hal ini bukanlah luar biasa bagi orang Melayu, kerana Melayu juga mahir dalam penggunaan tulisan *Pallava* dan *Kawi* yang merupakan tulisan bagi kitab Hindu dan Buddha. Pada masa itu, Melayu juga belajar dan mengajar agama Hindu-Buddha sebagaimana Melayu juga menggunakan Jawi untuk belajar dan mengajar pada masa tibanya Islam.

Walaupun begitu, terdapat beberapa perbezaan yang besar di antara pengaruh tulisan Jawi dan tulisan *Pallava* - *Kawi* iaitu penggunaannya. Di mana penggunaan tulisan Jawi lebih merata ke masyarakat berbanding tulisan *Pallava* - *Kawi* yang hanya digunakan di istana dan orang besar agama sahaja. Hal ini dapat kita lihat melalui sejarah, di mana institusi pondok dan juga pusat ibadah serta masyarakat seperti surau dan masjid memberi ruang yang luas kepada masyarakat untuk mempelajari agama melalui guru dengan menggunakan kitab kuning (*turath*). Kitab-kitab ini diajarkan dan kemudian di salin dengan tulisan jawi, ini merupakan bukti nyata bahawa tulisan jawi tidak sahaja digunakan dikalangan istana sahaja tetapi merata ke dalam masyarakat.

Menariknya, di dalam penulisan jawi terdapat pelbagai cara, bentuk dan *style* yang digunakan dalam penulisan tersebut. Hal inilah yang diperkenalkan, dikaji, dianalisa dan dijelaskan oleh penulis kepada pembaca melalui buku ini. Buku yang mengandungi 125 halaman ini mempunyai 4 bab yang menjelaskan pelbagai perihal dari asal usul abjad Arab yang merupakan abjad yang digunakan dalam tulisan Jawi sehingga kepada kesimpulan dan cadangan terkait kajian penulisan manuskrip abad ke 16 sehingga 20.

Buku ini walaupun sederhana ketebalannya, membawa sebuah hasil kajian yang bermakna di dalam kajian manuskrip Melayu lama. Pada bab 1, penulis menyenaraikan lebih 60 salinan lembaran manuskrip yang dianalisa bagi membuat kajian tentang bentuk Jawi yang digunakan di dalam penulisan manuskrip lama. Untuk memahami bentuk Jawi yang pelbagai, penulis membawa pembaca untuk mengenali asal usul abjad Arab yang bermula daripada skrip Nabatean yang disebut oleh Y.H. Safadi sebagai asal usul kepada skrip Arab. Persamaan ini dapat dilihat melalui gambar-gambar batu nisan *Umm Jimal*, *Imru al-Qays* dan gambar-gambar lain yang disediakan.

Dikatakan bahawa golongan ini menubuhkan kerajaan sekitar *Hijr*, *Petra* dan *Busra* serta sekitar Sinai dan Utara Arab sehingga Selatan Syria. Dari sini, tulisan mereka mempengaruhi penduduk asal *Hirah*, *Hijaz* dan kemudian *Anbar*. Kesan daripada pengaruh ini, maka terhasillah Khat al-Anbari al-Hayri dan juga Khat al-Hijazi. Dicatatkan bahawa tulisan ini dibawa ke Mekah oleh Bishr bin al-Malik dan Harb bin Umayyah serta kemudiannya dipelajari oleh sahabat-sahabat seperti Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib dan lain-lain. Dari Mekah, tulisan ini berkembang ke Madinah kemudian Kufah. Di Madinah, tulisan berbentuk condong (*Ma'il*), panjang (*Mashq*) dan inskripsi (*Naskh*). Manakala di Kufah ia berevolusi menjadi Khaf Kufi yang wujud setelah pusat Khalifah dipindahkan ke Kufah pada zaman Umar al-Khattab.

Seterusnya, penulis menerangkan pula kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan sejarah penulisan sebelum kedatangan Islam. Melalui beberapa bukti seperti manuskrip *Tajus Salatin*, Batu Bersurat Terengganu, Hikayat Aceh dan lain-lain, dapatlah dibuktikan bahawa Islam datang ke dunia Melayu sejak kurun ke-10 di Kampuchea, Pahang, Jawa Timur dan lain-lain. Dengan membanding dan menganalisa ukiran dan batu nisan seperti Minyak Tujuh, Ahmad Majnu dan lain-lain menunjukkan bagaimana tulisan Jawi mula memasuki alam Melayu dengan gaya dan bentuk tulisan Kawi.

Bab 1 merupakan bab yang paling panjang di dalam buku ini, selain penjelasan di atas, penulis juga menjelaskan tentang penggunaan alat penulisan daripada buluh dan pelepah. Manakala dakwat pula diambil daripada arang, dakwat sotong, kulit kayu Merbau dan lain-lain. Dakwat ini ditambah dengan getah daripada kulit manggis, daun getah buah kandis dan beras pulut hitam bagi memberikan kepekatan dan kelekatan yang lebih lama. Perbincangan dilanjutkan kepada evolusi penulisan jawi sehingga menjadi 6 tulisan yang dikenali sebagai *al-Aqlam as-Sittah* atau *Shish Qalam* yang merangkumi *Thuluth*, *Naskh*, *Muhaqqaq*, *Rayhani*, *Riqah* dan *Tawqi*. Penulis buku ini menyediakan jadual yang telah dirumuskan oleh *Ibn Muqla* bagi memahami persamaan dan perbezaan tulisan-tulisan tersebut.

Pada bab 2, penulis membentangkan beberapa pertimbangan teoritikal yang digunakan dalam pengkajian ini. Manakala pada bab 3, penulis menghuraikan analisa yang dibuat kepada beberapa manuskrip seperti Surat Sultan Abu Hayat dan *Aqa'id al-Nasafi* yang mewakili manuskrip kurun ke-16, Hikayat Bayan Budiman dan Hukum Kanun Melaka untuk abad ke-17, Hikayat Luqman al-Hakim dan *Bidayat al-Hidayat* bagi abad ke-18, Surat Sultan Banjar dan Kitab Pemimpin Johor untuk abad ke-19 dan salinan manuskrip Buku Katan P.Bm.P.B. Diraja Johor serta Kitab *Zain al-Insan* bagi mewakili abad ke-20.

Kesemua analisa ini disimpulkan di dalam bab 4, di mana penulis mendapati ada pengaruh tulisan gaya *Thuluth*, *Naskh*, *Muhaqqaq*, *Rayhani*, *Farisi* (*Ta'liq*) dan *Riqah*. Beberapa pakar seperti Ustaz Mohammed Yusof Abu Bakar, Ahmad Zafuan b Dato' Hj Embong dan Zainurrahman Affandi telah ditemuramah dan mereka bersetuju bahawa gaya-gaya tulisan tersebut memang ada pada manuskrip yang dikaji dengan tambahan pengaruh dari gaya *Diwani*, *Tawqi* dan beberapa tulisan lain yang berbeza mengikut manuskrip-manuskrip yang telah dikaji. Penulis juga memberi cadangan yang pengulas fikir patut disambut dan diusahakan iaitu perlu adanya usaha mengumpul manuskrip yang menerangkan bidang-bidang lain. Kedua,

perlu adanya kajian berkaitan kepelbagai tulisan gaya *Naskh* dan *Thuluth*. Ketiga, perlu adanya sebuah kajian yang mengkhusus kepada kajian manuskrip pada satu kurun sahaja. Keempat, perlu adanya kajian perbandingan antara gaya penulisan jawi dengan *al-Aqlam as-Sittah* ataupun gaya penulisan bukan Arab yang lain.

Pengulas melihat buku ini amatlah baik untuk dibaca sebagai buku pengenalan kepada mereka yang berminat dengan topik tulisan jawi, pembacaan manuskrip, filologi dan lain-lain. Walaupun begitu, pembaca perlulah mengembangkan lagi pembacaan dengan buku-buku yang lebih khusus kerana buku ini menyentuh perkara-perkara yang banyak dengan penjelasan yang umum. Pengulas juga bersetuju dengan sarana-sarana yang dicadangkan oleh penulis, kesemua sarana tersebut perlulah disahut dan diusahakan bagi mendalami identiti kolektif kita sebagai orang Melayu dan memahami sejarah dunia Melayu. Walaubagaimana majunya kita sebagai sebuah negara bangsa, kita perlulah menggali khazanah lama kita yang kaya agar kita tidak lupa diri dan hilang identiti diri. Semoga dengan mengenali diri, kita lebih yakin untuk menapak ke hadapan sebagai sebuah bangsa dan negara yang terhormat.

Fakruradzi Abdullah
Kolej Darul Hikmah